

DE 9.6.2017

# Penyelidik UMS hasil buku ‘Bundu Tuhan: Konteks Dan Transformasi’

KOTA KINABALU: Generasi muda boleh belajar lebih banyak mengenai sejarah dan budaya masyarakat di Bundu Tuhan melalui buku ‘Bundu Tuhan: Konteks dan Transformasi’.

Buku itu dihasilkan sekumpulan ahli akademik dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Adun Kundasang Datuk Dr Joachim Gunsalam berkata buku itu adalah istimewa bagi penduduk Bundu Tuhan kerana ia menonjolkan sejarah kampung itu dan kekuatannya dari segi pengurusan, pendidikan, tradisi dan pelancongan yang tidak didokumentasikan secara formal sebelum ini.

“Ada usaha-usaha kecil oleh pelbagai pihak untuk menjalankan penyelidikan ke atas masyarakat Bundu Tuhan sebelum ini tetapi ia tidak dibuat dalam bentuk buku.

“Justeru, pendokumentasian dapatan penyelidikan ini sangat bernilai dan saya pasti ia akan memberi manfaat kepada banyak pihak apabila ianya diterbitkan,” katanya ketika majlis pelancaran buku itu di dewan masyarakat Bundu Tuhan, baru-baru ini.

Buku itu diterbitkan oleh Perpustakaan Negeri Sabah dan dibiayai oleh Joachim serta Ahli Parlimen Ranau, Datuk Dr Ewon Ebin, kedua-duanya dari Bundu Tuhan.

Buku itu ditulis bersama bekas Dekan PPIB, Prof Dr Vincent Pang dan Prof Madya Dr Justin Sentian, Prof Madya Dr Andreas Toty, Dr Dayu Sansalu, Dr Sanen Marshall, Budi Anto Mohd Tamring, Veronica Petrus Atin, Chelster Sherralyn J. Pudin, Nurul Nazirah Hamzah dan Nelson Justin Adeh.



Dr. Joachim (empat dari kanan) menerima buku daripada Prof. Vincent.